



Bandaraya Islam Sebagai Ruang Sakral: Kota Bharu, Kelantan

Hazman Bin Abd Kadir
Program Antropologi dan Sosiologi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRACT

Mircea Eliade in his seminal work, “The Sacred and The Profane” distinguished between the space that is sacred and profane. Sacred space denotes a reality and meaning that were embedded with the elements of the divine and the mystical, while the profane denotes a space of chaos and foreign from the sacred features. This paper discusses the history and actions taken by the Kelantan State Government in implementing the Islamic City as a Sacred Space, utilizing Mircea Eliade's framework of the sacred and the profane. The discussion demonstrates that the initiatives of the Kota Bharu Municipal Council align with Eliade's conceptualization of Sacred Space, despite challenges such as cases of Shariah law violations which may undermine its sacred meaning.

Keywords: sacred space; profane space; islamic city; Kota Bharu; Mircea Eliade;

ABSTRAK

Mircea Eliade dalam karyanya “The Sacred and The Profane” membezakan antara ruang yang ‘sakral’ dan ruang ‘duniawi’. Ruang sakral dilihat sebagai ruang yang mempunyai realiti dan makna yang mempunyai unsur-unsur ketuhanan, dan ghaib, manakala ruang duniawi ialah ruang yang ‘kacau’ dan asing daripada unsur-unsur kesakralan. Makalah ini membincangkan sejarah serta tindakan Kerajaan Negeri Kelantan dalam melaksanakan Bandaraya Islam sebagai Ruang Sakral dengan menggunakan kerangka ruang sakral dan duniawi oleh Mircea Eliade. Perbincangan karangan ini menunjukkan usaha-usaha Majlis Perbandaran Kota Bharu selari dengan pembentukan Ruang Sakral oleh Eliade, walaupun terdapat cabaran-cabaran seperti kes-kes jenayah syariah yang boleh menjejaskan pemaknaan sakral tersebut.

Kata kunci: ruang sakral; ruang duniawi; bandaraya Islam; Kota Bharu; Mircea Eliade;

PENGENALAN

Pembangunan moden pada masa ini telah membawa kepada perubahan besar terhadap struktur sosial dan moral dalam masyarakat. Di sebalik kemajuan teknologi dan gaya hidup, nilai-nilai keagamaan dan kerohanian dalam bandar semakin terhakis. Masyarakat bandar



terutamanya golongan muda, semakin terdedah dengan pengaruh globalisasi dan kepelbagaian budaya sehingga menyebabkan berlakunya penghakisan nilai dan menjadi lebih individualistik dalam kehidupan seharian mereka (Föllmer 2022). Dalam konteks ini, bandar tidak dilihat sebagai ruang untuk kesejahteraan rohani, tetapi sebagai simbol kemajuan material dan gaya hidup individualistik yang sering kali menjauhkan manusia daripada unsur kesakralan (Ellul 1973; Nasib et al. 2023).

Namun begitu, penulis berpendapat pemahaman bandar tanpa melihat aspek kerohanian sahaja tidak mencukupi. Penulis sependirian dengan Lynch (1992) bahawa bandar juga merupakan satu entiti yang mengandungi simbol, makna, dan realiti sosial hasil yang terbentuk melalui interaksi masyarakat dengan persekitaran mereka. Sekiranya bandar diberikan simbol atau makna keagamaan dan kerohanian, imej sakral bandar dapat dibentuk, iaitu imej yang difahami dan dikhususkan dalam konteks keagamaan (Verschuuren et al. 2010).

Dalam konteks Malaysia, usaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk menjadikan Kota Bharu sebagai Bandaraya Islam di bawah slogan “Membangun Bersama Islam” (Mohd Nasir, 2012) perlu diteliti. Kota Bharu memiliki sejarah panjang sebagai pusat pendidikan Islam dan budaya Melayu-Islam. Namun, dalam masa yang sama, negeri ini turut berhadapan dengan cabaran sosial yang ketara peningkatan kes jenayah, pelacuran dalam talian (Nawi, 2021) dalam pembentukannya sebagai sebuah Bandaraya Islam.

Makalah ini membincangkan tentang latar-belakang serta pembentukan Bandaraya Islam di Kota Bharu berfungsi sebagai satu bentuk ruang sakral dalam konteks sosial dan sejarah Kelantan berdasarkan kerangka ruang sakral dan ruang duniawi melalui karyanya, *The Sacred and Profane* (Eliade 1959). Seterusnya, makalah ini membincangkan cabaran dalam mempertahankan kesakralan Bandaraya Islam Kota Bharu dapat dipertahankan dalam menghadapi cabaran moden seperti sekularisasi, kapitalisme bandar, serta kewujudan ruang baharu seperti ruang siber yang mendominasi kehidupan masyarakat kontemporari.

DEFINISI BANDAR

Sebelum membincangkan konsep kesakralan bandar menurut Eliade, penting untuk kita memahami bandar secara umum dari aspek etimologi atau 'maksud sebenar dalam sesuatu perkataan'. Pendekatan etimologi untuk memahami bandar penting untuk memahami makna-makna, realiti, atau menurut Heidegger, "kewujudan" asal perkataan (Eiland 1982).

Perkataan **bandar** berasal daripada perkataan Parsi بندر atau bandar yang menggabungkan perkataan بند (band) dan در (dar) dan digunakan bagi kebanyakan pelayar Parsi membawa maksud "kawasan terlindung" daripada laut (Steingass 2018). Dalam Bahasa Melayu, ia mempunyai persamaan dengan perkataan Latin *civitatem* yang membawa maksud kepada keahlian komuniti dalam sesuatu (Hoad 1993). Makna etimologi ini memperlihatkan bandar sebagai kawasan yang mempunyai aspek fizikal dan sosial.

Wirth (1938), seorang ahli sosiologi pembandaran, mentakrifkan bandar sebagai penempatan berdasarkan ciri populasi yang besar, saiz bandar, dan sifat kepelbagaian bandar dari aspek sosial seperti kepelbagaian status sosial, dan kaum, serta mempunyai batasan yang jelas. Max Weber (1958) melihat sebuah bandar perlu mempunyai lima ciri, iaitu ia mestilah mempunyai (1) sempadan yang kukuh, (2) aktiviti pasaran, (3) sistem perundangan dan



perlembagaan tersendiri, (4) satu bentuk kesatuan yang menyatukan warga bandar, dan (5) autonomi politik bagi warga bandar untuk memilih pentadbir bandar mereka.

Skop fizikal bandar dalam konteks Malaysia boleh dilihat melalui takrifan bandar oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia, iaitu “Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk 10,000 orang atau lebih...” (Malaysia 2006).

Bagi takrifan Bandaraya Islam, Al-Saoud (2002) menekankan empat prinsip untuk mengiktiraf sebuah bandaraya mempunyai ciri-ciri Bandaraya Islam. (1) Faktor persekitaran iaitu pengadaptasian bangunan-bangunan dan pelan bandar dengan persekitaran sekeliling, (2) Kepercayaan agama dan budaya setempat yang mempengaruhi budaya kehidupan setempat dan menekankan pembinaan masjid di tengah-tengah bandar, (3) Prinsip Pembangunan berasaskan hukum syariah Islam iaitu sebagai bentuk perundangan dan perlembagaan dalam hubungan sosial penduduk bandar, dan yang terakhir, (4) Pembangunan bandar dalam aspek sosial dan fizikal perlulah menepati kehendak kepelbagaian penduduknya terutamanya dalam aspek pertalian kekeluargaan, pertahanan bandar, peraturan sosial dan pengamalan agama

Majlis Perbandaran Kota Bharu (2002) menyatakan bahawa prinsip asas bagi bandaraya Islam dalam konteks Kota Bharu berdasarkan **tiga hubungan penting** iaitu, hubungan dengan Tuhan, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam.

Daripada definisi-definisi bandar di atas, takrifan Bandaraya Islam yang dirumuskan untuk tujuan makalah ini adalah sebuah kawasan penempatan yang berdasarkan bilangan populasi yang tinggi, mempunyai sempadan tersendiri, pentadbiran dan perundangan berdasarkan hukum syariah yang menekankan hubungan antara Tuhan, manusia dan alam, serta menempatkan penduduk dari latar belakang masyarakat yang pelbagai.

BANDAR SAKRAL MENURUT MIRCEA ELIADE

Pemahaman tentang bandar tidak hanya terbatas kepada dimensi fizikal dan sosial, tetapi turut melibatkan aspek simbolik dan kerohanian seperti yang dibincangkan oleh Mircea Eliade dalam karyanya "The Sacred and The Profane". Beliau merupakan seorang ahli falsafah, sejarawan agama dan seorang Profesor di University of Chicago (Rennie 2001). Eliade (1959) membahagikan ruang kepada dua kategori utama: sakral dan duniawi. Ruang duniawi merujuk kepada ruang yang bersifat seragam, relatif, kacau dan wujud hanya untuk memenuhi syarat-syarat dalam kehidupan material dan moden seperti pekerjaan, tempat tinggal dan hiburan. Bandar moden berdasarkan takrifan ini sering menjadi ruang yang bersifat kebendaan yang berfungsi memenuhi keperluan manusia mengikut hierarki Maslow (Baches 2016), bukan ruang yang membawa makna yang mengatasi kewujudan.

Ruang sakral pula ialah ruang yang mempunyai nilai kewujudan dan kerohanian yang mengatasi fungsi kebendaannya. Bagi Eliade (1959), ruang sakral mempunyai axis mundi atau pusat yang menghubungkan dunia manusia dengan realiti ketuhanan. Pusat ini memberikan orientasi kepada ruang di sekelilingnya, membentuk suatu kosmos yang teratur. Melalui pusat inilah sesuatu ruang dianggap sebagai “wujud” dan bukan sekadar ruang yang mempunyai makna luaran dan kebendaan. Rumah, bangunan atau bandar dalam perspektif ini tidak hanya dilihat sebagai struktur material, tetapi sebagai refleksi kepada ciptaan kosmik dalam pengaruh



dan lingkungan ketuhanan. Dengan kata lain, ruang sakral membawa makna yang mengikat manusia kepada pandang alam agama dan kepercayaan mereka.

Eliade (1959) turut menjelaskan bahawa ruang duniawi boleh berubah menjadi ruang sakral melalui tindakan-tindakan tertentu seperti pembinaan pusat sakral (misalnya salib di sebuah pekan Kristian), pelaksanaan ritual yang mengulangi tindakan primordial (kelahiran dunia) atau melalui simbol-simbol alam seperti gunung dan pokok suci. Contoh ruang sakral dapat dilihat pada Gunung Kinabalu yang dianggap sebagai pusat alam ghaib oleh etnik Dusun (Bidder 2023) atau Pokok Bumbakula sebagai pusat sakral bagi suku Arunta di Australia (Eliade 1959). Ruang sedemikian bukan hanya membentuk persekitaran fizikal, tetapi turut mengatur tindak-tanduk, ritus dan adat masyarakat yang berada di bawah bayangan Tuhan.

Kerangka Eliade ini penting kerana ia menunjukkan bagaimana sebuah bandar boleh difahami sebagai kosmos yang teratur dan mencerminkan kepercayaan masyarakat yang menghuninya sebagai lebih daripada ruang fungsi. Masyarakat tradisional, termasuk masyarakat Islam, membentuk bandar melalui simbol, orientasi dan struktur yang mencerminkan kepercayaan mereka. Walaupun banyak bandar moden bersifat duniawi, masyarakat oriental masih mengekalkan ciri-ciri *homo religiosus* yang melihat ruang sebagai cerminan hubungan antara manusia, alam dan Tuhan (Eliade 1959). Dalam konteks ini, bandar sakral ialah ruang yang dibentuk melalui makna kerohanian, simbolik dan kosmologi, menjadikan bandar bukan sahaja tempat kediaman tetapi juga sebuah kosmos yang teratur dan mencerminkan kepercayaan masyarakat yang menghuninya.

KELANTAN SEBAGAI SEBUAH RUANG SAKRAL: LATAR BELAKANG

Perkembangan Islam di Kelantan dibahagikan kepada tiga tahap (Azra 1999) iaitu perkembangan Islam pada abad ke 14 hingga 15 Masihi disebabkan oleh perdagangan dan kemudiannya pengislaman dalam kalangan pemerintah. Tahap kedua dapat dilihat dalam campur tangan penjajahan barat pada awal abad ke-19 Masihi, dan yang ketiga merupakan tindakan-tindakan kerajaan Negeri Kelantan untuk membebaskan diri mereka daripada dasar-dasar penjajah.

Perkembangan agama Islam di Kelantan adalah disebabkan oleh kedudukannya yang strategik sebagai salah sebuah pusat perdagangan (Zainal Abidin & Haji Hamzah 2018). Perkembangan Islam di sesuatu tempat menyebabkan masyarakat mula menitikberatkan tentang pendidikan. Pada awalnya, sistem pendidikan Islam di Kelantan adalah melalui ceramah atau tazkirah lisan, tetapi lama-kelamaan ia mula berkembang dengan kemunculan madrasah, dan masjid sebagai tempat belajar dengan menggunakan kaedah lisan atau *turath* (Yusuff & Abdullah 2007).

Hal ini menyebabkan Kelantan atau Kota Bharu mendapat 'imej' sebagai tempat untuk melanjutkan pembelajaran yang lebih tinggi dalam bidang agama, dan sebagai sebuah tempat yang kukuh dengan nilai-nilai Islam. Bukti ini dapat dilihat dengan jumlah pondok di Kelantan telah mencecah 100 pondok pada awal abad ke-19, dan mempunyai lebih daripada 1000 orang penuntut (Saad & Radzi 2009). Tambahan pula dengan kedudukan Kota Bharu di Kelantan merupakan wilayah yang strategik sebagai pusat penyebaran agama Islam di wilayah Champa (seperti di Kemboja dan selatan Vietnam), Selatan Thailand dan Sumatera (seperti di Aceh dan



Minangkabau) yang menyebabkan ramai dari wilayah tersebut berkumpul untuk belajar agama di situ, sehinggakan Kota Bharu diberi nama julukan, Serambi Mekah (Erasiah et al. 2023).

Peranan Sultan dalam menjalinkan hubungan dengan golongan ulama, terutamanya sebagai penasihat dalam urusan pentadbiran menyebabkan ilmu agama di Kelantan berkembang dengan pesat. Pusat pendidikan Islam di sesuatu kawasan berperanan membentuk ruang sakral Islam di sesuatu tempat, kerana ia menunjukkan penerimaan nilai-nilai agama Islam di situ (Erasiah et al 2023).

Pada tahap kedua pula memperlihatkan campur tangan British dalam menstrukturkan semula sistem pentadbiran kerajaan (Erasiah et al 2023) yang juga membawa kepada perubahan sosial yang ketara dalam masyarakat. Penstrkturan tersebut dilakukan antaranya adalah kerana ingin mengurangkan kadar jenayah, dan tiada ruang kepada rakyat untuk menentang campur tangan asing. British pada ketika itu dilihat ingin mengawal autoriti sultan sebagai ketua agama, yang menyebabkan kepada kurangnya kuasa sistem perundangan Islam di Kelantan, yang sebenarnya sangat berkait dengan niat mereka untuk mengawal ekonomi di Kelantan secara menyeluruh, contohnya mereka boleh bertindak untuk memaksa rakyat membayar cukai kepada kerajaan dan membuat tindakan undang-undang mengikut kehendak mereka.

Hal ini juga membawa kepada sekularisme yang ketara dalam sistem pentadbiran dan perundangan di Kelantan apabila tertubuhnya Majlis Agama Islam Kelantan(MAIK). Walaupun ia dilihat untuk menyekat pengaruh Inggeris dalam pentadbiran Kelantan, tetapi hakikatnya ia hanya menguruskan apa-apa isu dan masalah berkenaan dengan agama sahaja, walaupun yang menganggotai MAIK dalam kalangan agamawan dan ditubuhkan kerana tidak mahu hal ehwal agama dikuasai oleh British (Sawalludin & Ariffin 2017). Isu-isu yang bukan berkaitan dengan agama masih lagi diletakkan di bawah bidang kuasa mahkamah sekular. Dengan kata lain, di sini mempunyai pertentangan dan pemisahan antara ruang sakral oleh MAIK yang memberikan imej Islamik kepada Kelantan yang bertentangan dengan ruang duniawi British yang ingin mengambil manfaat daripada negeri tersebut.

Perubahan sistem pentadbiran di Kelantan pada awal abad ke-20 iaitu pada era Graham telah membawa kepada kemunculan isu sosial di Kelantan ketika itu, iaitu peningkatan jenayah yang sangat ketara. Cukai-cukai yang pelbagai, harga cukai yang tinggi, serta undang-undang yang ketat telah menyebabkan rakyat menjadi tertekan, dan ini menyebabkan rakyat Kelantan ketika itu terpaksa melakukan jenayah sebagai satu bentuk anomie kerana tidak mampu berfungsi dengan struktur yang dibentuk oleh penjajah British (Mohamad Roslaily Rosdi et al 2022). Bukan itu sahaja pembangunan yang dilakukan oleh British lebih tertumpu di kawasan bandar atau kawasan pelabuhan yang berdasarkan modal, tenaga kerja dan perniagaan, manakala kawasan di luar bandar tertinggal, sehingga melahirkan sebuah masyarakat yang materialistik di Kelantan (Erasiah et al 2023).

Pelacuran, iaitu kegiatan maksiat atau perlakuan seksual bukan antara suami dengan isteri (Hasan & Ilham Hussin 2025) telah pun wujud sebelum zaman penjajahan British di Kelantan. Wanita Melayu ketika itu menawarkan diri sebagai gundik atau perempuan simpanan sultan, dan setelah khidmatnya sebagai gundik tidak diperlukan mereka menawarkan perkhidmatan seksual kepada lelaki-lelaki di luar lingkungan istana (Gullick 1978). Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, kegiatan pelacuran menjadi isu ketara kerana ia dilihat sebagai ancaman terhadap nilai moral masyarakat awam serta mencemarkan prestij British (Hasan &



Ilham Hussin 2025). Menurut Hasan (2005) faktor-faktor yang menyebabkan wanita-wanita ini terlibat dalam gejala ini perceraian, pendidikan yang rendah, peluang pekerjaan yang rendah dan seumpamanya, tetapi faktor utama yang membawa kepada semua ini ialah masalah kewangan yang dihadapi oleh mereka, dan sangat berkait dengan perubahan ekonomi disebabkan oleh penjajahan British.

Hal ini membawa kepada MAIK membuat tindakan undang-undang syariah iaitu dengan menghantar waran dan membuat tangkapan kepada penjenayah. Pada awalnya tindakan ini masih lagi sukar kerana negeri masih lagi di bawah kuasa pemerintahan British (Sawalludin & Ariffin 2017). Akan tetapi, kegiatan ini berjaya dicegah dengan bantuan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), orang awam, wartawan, kerajaan negeri dan lain-lain (Hasan 2010) dan penting untuk memelihara imej Kelantan sebagai Negeri Serambi Mekah.

Perkembangan ini membawa kepada tahap ketiga dalam sejarah Kelantan yang berkait dengan pentadbiran kerajaan Parti Se-Islam Malaysia x(PAS) dari tahun 1959-1978 dan dari 1990 hingga sekarang. PAS sejak penubuhannya pada tahun 1951 melihat politik sebagai medan dakwah, dan menggunakannya untuk menyedarkan masyarakat Melayu tentang cara hidup Islam. Kerangka pandang gerakan ini yang tidak memisahkan politik dan agama mempengaruhi cara gerakan ini dalam membentuk Kelantan, terutamanya Kota Bharu sebagai Bandaraya Islam (Ghani et al. 2020).

Tidak dinafikan tanggapan terhadap ruang sakral di Kelantan juga bercanggah dengan julukan Kelantan pada zaman dulu yang terkenal sebagai pusat hiburan dan juga pusat pelacuran, malah terdapat laporan akhbar The Straits Time pada tahun 1959 bahawa seorang Ahli Majlis Negeri Kelantan ketika itu, Nik Mohamed bin Ali menggelar Kota Bharu sebagai *Paris of Malaya* disebabkan pelacuran yang berleluasa di situ (The Straits Times 1959). Rakyat Kelantan yang dilihat berbeza dengan kaum lain yang terikat dengan budaya-budaya lama, berpegang teguh dengan Islam dan apa-apa yang tidak berkaitan dengan Islam perlu dibuang atau di-Islamisasikan supaya lebih diterima dan diamalkan oleh mereka. Ini dapat dilihat dengan Kelantan sebagai sebuah negeri yang ditadbir oleh 'ulama' (Erasiah et al. 2023).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pada tahun 2005, Kota Bharu telah diisytiharkan sebagai Bandaraya Islam yang merupakan sorotan daripada slogan "Membangun Bersama Islam" oleh Bekas Menteri Besar Kelantan, Dato Hj Nik Aziz Nik Mat yang membawa maksud Islam mestilah diterapkan dalam politik, ekonomi dan sosial kerajaan Kelantan. Bagi Mohd Nasir (2012) yang memetik daripada laporan MPKB-BRI (2006), pembangunan Bandaraya Islam adalah berdasarkan prinsip pembangunan kerohanian antara masyarakat dengan Tuhan iaitu setiap reka bentuk atau ruang-ruang di sekitar bandar tersebut mesti mengingatkan kepada Tuhan, pemeliharaan kebersihan di persekitaran bandar sebagai sesuatu yang ditekankan dalam agama Islam, dan hubungan dalam kalangan masyarakat. Prinsip ini berakar dengan syariah yang berdasarkan al-Quran dan amalan atau Sunnah Nabi Muhammad, serta peninggalan oleh sahabat-sahabat dan golongan ulama.

Penjenamaan ini telah membawa kepada usaha untuk pembentukan imej Islam di Kota Bharu, dari aspek sosial, politik, ekonomi, hingga budaya. Hal ini dapat dilihat dalam aspek perundangan. Contohnya, penggunaan tulisan Jawi dalam semua papan tanda kedai, jalan raya,



dan papan iklan, dan ia juga dipakai di kedai-kedai orang cina, atau India yang bukan Islam (Mohd Nasir 2012). Pelaksanaan perundangan yang berteraskan syariah oleh MPKB-BRI pada tahun 2023 mengenakan kompaun terhadap seorang wanita bukan Islam yang berpakaian tidak sopan, dan dilihat sebagai 'seksi', walaupun terdapat yang menentang kerana ia dilihat sebagai penentangan terhadap demokrasi (Samardi Ahmad 2023), tetapi masyarakat bukan Islam di Kota Bharu dilihat sudah menerima undang-undang yang berteraskan Islam ini (Nor Fazlina Abdul Rahim 2023), dan ini jelas menunjukkan mereka sudah lama beradaptasi dengan ruang Islam di Kelantan.

Dengan penjenamaan ini juga telah dikekalkan dalam pembinaan dan perancangan bandar di Kelantan pada masa ini. Contohnya banyak seni pembinaan yang dikekalkan dari dahulu iaitu yang masih mengekalkan identiti yang melambangkan prinsip-prinsip Islam seperti yang disebutkan di atas (hubungan dengan Tuhan, hubungan sesama alam dan hubungan dengan alam) masih lagi dikekalkan dan digunakan pada bangunan baru-baru ini, seperti TESCO, Masjid Muhammadi, serta Muzium Negeri Kelantan walaupun masih ada percampuran dari pengaruh-pengaruh yang asing seperti pengaruh Arab dan Barat (Nasir & Salleh 2015).

Penekanan terhadap imej *Arabesque* atau pengaruh Timur Tengah juga membawa kepada pembentukan imej keislaman Bandaraya Islam Kota Bharu. Ia dapat dilihat dengan penanaman pokok-pokok kurma di taman-taman sekitar Kota Bharu yang menekankan imej "*Arabesque*" (Nasir & Salleh 2015). Contohnya dapat dilihat dalam pembinaan Taman Tengku Anis di Gelanggang Seni, Kelantan pada tahun 2010 yang menggunakan gerbang-gerbang yang menggunakan corak dan leitmotif geometrik seperti di binaan-binaan di Timur Tengah. Tok Guru Bazar yang selesai dibina pada tahun 2011 pula banyak menerapkan identiti-identiti Islamik yang mencerminkan seni binaan Masjid Nabawi di Kota Madinah (Harun et al 2011).

Usaha dalam penjenamaan ini seperti yang disebutkan di atas, iaitu menerapkan prinsip pembangunan oleh MPKB-BRI, imej *Arabesque*, serta corak dan leitmotif geometrik selari dengan pandangan Eliade (1957) yang berpandangan bahawa masyarakat yang membentuk bandar atau ruang melalui simbol, orientasi dan struktur yang mencerminkan kepercayaan mereka. Prinsip-prinsip inilah mempengaruhi mereka yang berada di ruang tersebut sebagai cerminan *Homo Religiosus* iaitu manusia yang merasai ruang ketuhanan dan sakral yang berbeza dengan ruang duniawi (Vasile 2013).

Ia juga dapat dilihat dalam kajian Cheam et al (2018) yang mendapati penerapan imej Bandaraya Islam di Kota Bharu mempunyai persepsi yang positif terhadap para pengunjung luar. Dapatan kajian mereka menyatakan bahawa unsur kerohanian atau keagamaan merupakan faktor utama kerana responden merasakan ketenangan ruhani serta fikiran ketika berada di bandar tersebut (Cheam et al 2018). Hal ini selari dengan pandangan Eliade (1959) yang melihat unsur-unsur sakral dalam sesuatu ruang seperti ruang di bandar atau binaan-binaan dapat melahirkan perasaan kerohanian bagi mereka yang berada di ruang tersebut.

Kota Bharu, sebagai sebuah bandaraya tidak terlepas daripada kesan-kesan buruk pembandaran. Laporan Harian Metro bertarikh pada 29 Mac 2023 menyatakan kutipan sampah atau sisa pepejal di Kota Bharu telah meningkat sebanyak 430 tan sehari pada bulan Ramadan. Pada tahun sebelumnya, sampah yang dikutip pula hanya mencecah 350 tan, dan peningkatan itu dilihat meningkat pada seminggu sebelum dan selepas sambutan Aidilfitri di Kelantan (Zaidi 2023). Hal ini menunjukkan cabaran dari sikap masyarakat Kota Bharu untuk tidak



membuang sampah secara merata-rataukar diubah, walaupun terdapat juga kempen-kempen kebersihan serta usaha-usaha kerajaan Kelantan memastikan kebersihan Kota Bharu selaras dengan nilai-nilai Islam atau sakral, tetapi ia sukar untuk diterapkan dalam kalangan masyarakat Kota Bharu. Selain itu, Kelantan masih lagi mempunyai kes-kes jenayah seksual dalam kalangan remaja yang dilihat semakin meningkat (Muhafandi Muhamad 2022) iaitu sebanyak 197 orang ditangkap pada tahun 2022 (Zaidi 2022). Bilangan ini meningkat kepada 249 kes pada tahun 2024, dan kebanyakannya terlibat dengan kes rogol, sumbang mahram, liwat cabul dan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (BERNAMA 2024). Perbuatan jenayah seksual ini melanggar hukum syari'ah Islam yang mengharamkan perbuatan tersebut (Muhammad Ammar Harith 2025).

Masalah-masalah ini yang melanggar imej Bandaraya Islam di Kota Bharu selari dengan pemerhatian Eliade (1957) bahawa pembentukan imej ruang yang sakral bergantung dengan amalan, dan orientasi masyarakat di ruang tersebut. Dalam konteks Bandaraya Islam Kota Bharu, hukum syari'ah dan ritual keagamaan yang mengikuti prinsip hubungan antara Tuhan, manusia dan alam. Sekiranya amalan dan perbuatan masyarakat bertentangan dengan ciri-ciri *Homo Religiosus*, ia tidak dapat membentuk atau melahirkan sifat sakral di bandaraya tersebut. Perkara ini akan memberikan cabaran kepada pihak majlis bandaraya dalam memastikan imej Islam dan sakral dapat diserap dalam setiap perbuatan masyarakat.

Daripada satu sisi yang lain, ia juga memperlihatkan keterbatasan 'ruang sakral' yang difahami oleh Eliade (1959) itu sendiri, terutamanya penulisannya hanya tertumpu pada awal abad ke-20 iaitu jauh sebelum zaman perkembangan Internet atau ruang siber. Ia juga menjadi satu cabaran terhadap pembentukan masyarakat di bawah ruang sakral yang diidamkan, kerana pada masa ini terdapat satu lagi ruang yang saling berhubungan dan luas, malah lebih bersifat tidak teratur. Ia membawa kepada kewujudan ruang yang baru iaitu ruang siber (*cyber space*) yang mempunyai ciri-ciri dan masyarakat yang berbeza sifatnya dengan 'ruang' yang nyata yang terdiri daripada ruang sakral dan ruang duniawi.

Sifat ruang siber yang tidak teratur dan terbuka juga menjadi cabaran kepada interaksi antara masyarakat dengan hukum Syariah itu sendiri. Kita tidak menafikan bahawa perkembangan teknologi maklumat terutamanya internet telah membawa kepada peningkatan-peningkatan gejala sosial (Bernama 2024), seperti gejala seksual, dadah, dan penipuan siber. Perubahan sosial ini telah mengubah dan mempengaruhi cara pandang malah bentuk-bentuk ruang sakral di sesuatu tempat, dan Bandaraya Islam Kota Bharu juga tidak terkecuali.

KESIMPULAN

Eliade (1957) dalam pengenalan karya beliau sedar bahawa terdapat banyak perbezaan dalam 'agama-agama' terutamanya dalam ajaran-ajaran terhadap ruang yang sakral yang berbeza mengikut perkembangan agama. Ini menyebabkan penelitian beliau hanya bersifat umum, dan tidak memahami konteks perubahan terhadap ruang sakral, dan kesannya kepada masyarakat sekeliling, terutamanya dalam konteks perkembangan teknologi. Penekanan yang terhad unsur-unsur simbolik sebenarnya seperti *axis mundi*, *hierophany* dan seumpunya sangat terhad untuk diaplikasikan dalam konteks Kota Bharu.

Penekanan terhadap agama tidak lain, dan bukan merupakan sesuatu yang diterapkan oleh usaha-usaha masyarakat sendiri dari zaman ke zaman. Usaha untuk menyeragamkan satu



institusi untuk melaksanakan perubahan ke arah masyarakat hanyalah membawa kepada satu ketidakselesaian dan tidak sesuai dengan tabii' masyarakat. Sejarah-sejarah yang membawa kepada Kota Bharu kepada sebuah bandar berimejkan Islam, dan memperoleh gelaran, "Serambi Mekah", merupakan hasil daripada masyarakat Kota Bharu sendiri, iaitu golongan ulama, pedagang-pedagang luar, golongan pemerintah dan juga rakyat. Pembangunan terhadap masyarakat dalam membentuk imej dan persekitaran yang 'sakral' perlulah bermula dari bawah, iaitu dalam kalangan masyarakat sendiri, dan bukannya daripada autoriti yang boleh menyebabkan ketidakpuasan terhadap masyarakat.

Hal ini membawa kepada imej Bandaraya Islam itu sendiri. Kota Bharu, dari dulu hingga sekarang sudah dan telah pun mempunyai imej sebagai bandar yang berimejkan Islam, dan ia juga dapat dilihat dengan gaya hidup masyarakat Kelantan, imej Serambi Mekah, dan pondok-pondok yang menempatkan pelajar-pelajar dari luar negeri. Cabaran yang perlu ditekankan oleh masyarakat Kota Bharu adalah untuk mendepani arus-arus kemodenan, dan unsur-unsur luar yang boleh merosakkan akhlak dan sarwa pandang masyarakat. Langkah-langkah yang bersifat legalistik atau perundangan semata-mata tidak mencukupi untuk mengekang masalah ini.

Ia memerlukan kesedaran dalam kalangan masyarakat sendiri, terutamanya golongan ulama. Sekiranya dahulu, golongan ulamalah yang mencorakkan masyarakat serta imej bandar Kota Bharu, kini, mereka juga mempunyai dalam menjawab permasalahan-permasalahan kemodenan yang membawa kepada rangkaian gejala sosial di bandar Kota Bharu.

RUJUKAN

- Al-Saoud, R. 2001. Introduction to the Islamic City.
- Azra, A. 1999. *Renaissance Islam Asia Tenggara: Sejarah Wacana & Kekuasaan*. (Tiada Tajuk). Bernama. 2024. Kes seksual di Kelantan meningkat. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1056268/kes-seksual-di-kelantan-meningkat> [29 Januari 2025].
- Bernama. 2024. Jenayah dalam talian: Kesedaran orang ramai perlu ditingkatkan - Teo Nie Ching. Astro AWANI. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jenayah-dalam-talian-kesedaran-orang-ramai-perlu-ditingkatkan-teo-nie-ching-500773>
- Bidder, C. 2023. Sacred natural sites in the face of global changes: The case of Mount Kinabalu in Malaysian Borneo. *Malaysian Journal of Sustainable Environment (MySE)*, 10(2), 21-44.
- Cheam, C. L., Othman, N. A., & Khir, F. N. S. B. A. 2018. Tourists Perceptions of Kota Bharu Islamic City. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(4), 60-72.
- Eiland, H. 1982. Heidegger's Etymological Web. *Boundary 2* 10(2): 39.
- Eliade, M. 1959. *The sacred and the profane: the nature of religion*. Harvest Book.
- Ellul, J. 1973. *The meaning of the city*. D. Pardee (Ptrj.) hlm. Second printing. William B. Eerdmans Publishing Company: Grand Rapids, Mich.
- Erasiah, E., Pratama, F.S., Zain, F.M., Ardy, M.S. & Dalela, R. 2023. Kelantan The Little Mecca: Its Influence On The Archipelago's 15th-19th Century Islamic Civilisation To The Present Day. *Jurnal Lektur Keagamaan* 21(1): 125-156.



- Föllmer, M. 2020. The sociology of individuality and the history of urban society. *Urban History* 47(2): 311–326.
- Ghani, S.R.A., Omar, R., Enh, A.M. & Kamaruddin, R. 2020. Perkembangan Gerakan Islam Pas Dan Perjuangan Dakwah Di Kelantan, 1951-2000. Sejarah: Journal of the Department of History 29(1 (June)).
- Gullick, J.M. 1978. Sistem politik bumiputera Tanah Melayu Barat / J.M. Gullick. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Harun, S. N., Md Ali, Z., & Zawawi, R. (2011). The Changing Image and Identity of Kota Bharu, Kelantan, Malaysia: From Cultural City to Islamic City. *International Journal of Social Planning and Development*, 1(1), 75-80.
- Hasan, H. & Ilham Hussin, N. 2025. Undang-undang Kegiatan Pelacuran di Malaysia, 1916–1973: Satu Perspektif Sejarah. *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia* 37(1): 53–74.
- Hasan, H. 2005. MALAY WOMEN AND PROSTITUTION IN KOTA BHARU, KELANTAN, 1950s-1970s. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 78(1 (288)): 97–120.
- Hasan, H. 2010. Langkah-Langkah Pencegahan Pelacurandari Pasca Kemerdekaan Hingga 1970 -an di Kelantan, Malaysia: Steps to Thwart Prostitution from Post-IndependenceEra to The 1970s in Kelantan, Malaysia. *PERSPEKTIF Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 2(2), 51-60.
- Hoad, T.F. (pnyt.). 1993. *The Concise Oxford dictionary of English etymology*. Oxford University Press: Oxford ; New York.
- Janatul Firdaus Yaacob. 2023. PAS berjaya ubah Kelantan dari ‘Paris of Malaya’ kepada negeri Merakyat Membangun Bersama Islam. *Suara.TV*. <https://suara.tv/16/08/2023/pas-berjaya-ubah-kelantan-dari-paris-of-malaya-kepada-negeri-merakyat-membangun-bersama-islam/>
- Lynch, K. 1992. *The image of the city*. 21st ed. Mit press: Cambridge (Mass.) London.
- Baches, Mallory B. E. 2016. *Hierarchy of Needs: Application in Urban Design and Community- Building*. . <http://mallorybaches.com/discuss/2016/1/26/hierarchy-of-needs> [13 November 2025].
- Malaysia. 2006. *Dasar Perbandaran Negara*. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa: Kuala Lumpur.
- Muhafandi Muhamad. 2022. Polis Kelantan fokus tangani kes seksual, gejala sosial remaja. *Astro AWANI Network*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-kelantan-fokus-tangani-kes-seksual-gejala-sosial-remaja-385268>[11 Oktober 2022]
- Mohamad Roslaily Rosdi, Azmi Arifin & Rasyidah Arshad. 2022. Pembaharuan Sistem Perundangan Kelantan di bawah Pentadbiran Siam-British, 1902–1915 Kelantan Legislative System Reforms under the Siam-British Administration, 1902–1915. *KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities*, 29(2), 71–97. <https://doi.org/10.21315/kajh2022.29.2.4>
- Mohd Nasir, M. R. B. 2012. A study of the Kelantan Malay cultural landscape: recent trends and future prospect.
- MPKB-BRI. 2002. *Kota Bharu Landscape Master Plan Report*.
- MPKB-BRI. 2006. *Kota Bharu Islamic City Master Plan (2006-2015)*



- Muhammad Ammar Harith. 2025. Tinta Mufti Bil. 22/2025: Rogol Suka Sama Suka - Islah Perundangan Demi Memelihara Keadilan Dan Maqasid Syariah. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/arkib/tinta-mufti/6366-tinta-mufti-bil-22-2025-rogol-suka-sama-suka-islah-perundangan-demi-memelihara-keadilan-dan-maqasid-syariah> [18 November 2025]
- The Straits Times. 1959. Clean-up for 'Paris of Malaya'. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19590415-1.2.61>
- Nasir, M. M., & Salleh, B. I. H. 2015. Kelantan Malay Cultural Landscape: The Concept of Kota Bharu Islamic City. In *ICE 2015: XIII International Conference on Education in Marrakech Morocco* (pp. 2096-2102).
- Nawi, R.M. 2021. Pelacuran ibu tunggal melalui aplikasi MiChat dikesan di Kelantan. Kosmo!. <https://www.kosmo.com.my/2021/02/24/pelacuran-ibu-tunggal-melalui-aplikasi-michat-dikesan-di-kelantan/>[29 Januari 2025]
- NorHashim, M.N. & Abd Ghani, A. 2022. Pertembungan Bahasa antara Bahasa Parsi dan Bahasa Melayu: Penelitian dari Sudut Perubahan Makna Perkataan. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature* 13(2): 1–12.
- Nor Fazlina Abdul Rahim. 2023. Seluar paras punggung: 'Saya sudah bayar kompaun, tak perlu jadikan isu politik. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1119739/seluar-paras-punggung-saya-sudah-bayar-kompaun-tak-perlu-jadikan-isu>[30 Januari 2025]
- Page, S. 2016. Mecca: The 'Blessed Heart' of Islam. In *Between Cultural Diversity and Common Heritage* (pp. 319-330). Routledge.
- Rennie, B.S. (pnyt.). 2001. Changing religious worlds: the meaning and end of Mircea Eliade. State University of New York Press: Albany.
- Saad, S., & Radzi, M. M. 2009. Urus tadbir sebuah bandaraya Islam Malaysia: Kajian kes di Kota Bharu, Kelantan (The governance of a Malaysian Islamic city: A case study of Kota Bharu, Kelantan). *Geografia*, 5(3).
- Samardi Ahmad. 2023. 'Tindakan MPKB saman wanita pakai seluar paras punggung langgar Perlembagaan' - Nga Kor Ming. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1119646/tindakan-mpkb-saman-wanita-pakai-seluar-paras-punggung-langgar>[30 Januari 2025]
- Sawalludin, M. H., & Ariffin, K. 2017. Cabaran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) Menangani Masalah Sosial di Kelantan Sehingga 1930-an: The Challenge Faced by Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) in Dealing With Social Problems in Kelantan Until 1930's. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 9(1), 30-48.
- Wahid, A.S. 2023. Wanita bukan Islam berpakaian tidak sopan dikompaun. Sinar Karangkraf Sdn. Bhd. <https://www.sinarharian.com.my/article/265420/edisi/kelantan/wanita-bukan-islam-berpakaian-tidak-sopan-dikompaun> [29 Januari 2025].
- Wirth, L. 1938. Urbanism as a Way of Life. *American journal of sociology*, 44(1), 1-24.
- Vasile, C. 2013. Homo Religiosus - Culture, Cognition, Emotion. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 78: 658–661.
- Verschuuren, B. 2010. Sacred Natural Sites: Conserving Nature and Culture. Taylor & Francis



Group: London.

- Yusuff, N. A., & Abdullah, N. K. N. 2007. Institusi dan Sistem Pendidikan Islam. Suatu Analisa Tahap Perkembangannya Di Kelantan. *Journal of al-Tamaddun*, 2(1), 139-160.
- Zaidi, H.A. 2022. Masalah sosial remaja Kelantan serius - Polis.
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/03/822912/masalah-sosial-remaja-kelantan-serius-polis> [29 Januari 2025].
- Zaidi, H.A. 2023. Kutipan sisa pepejal di Kota Bharu meningkat.
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/950863/kutipan-sisa-pepejal-di-kota-bharu-meningkat> [29 Januari 2025].
- Zainal Abidin, M.Z.H. & Haji Hamzah, N. 2018. Perkembangan Pemerintahan Islam di Kelantan: Analisis Terhadap Manuskrip Sejarah Negeri Kelantan. *Journal of Al-Tamaddun* 13(2): 133–147.
- Zainuddin, M. 2013. Haji dan status sosial: Studi tentang simbol agama di kalangan masyarakat Muslim. *el Harakah: Jurnal Budaya Islam*, 15(2), 169-184.

Hazman Bin Abd Kadir
Program Antropologi dan Sosiologi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
a193207@siswa.ukm.edu.my